

05/09/2003

Panel penasihat capai kaedah terbaik promosi MSC

Mohd Azlan Jaafar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penyelidikan yang berterusan penting bagi membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC), terutama pembabitan universiti, dalam menuju ke arah pembangunan fasa keduanya.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat ke tujuh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) semalam berjaya mengumpul pelbagai pandangan berguna bagi keperluan masa depan pembangunan MSC.

"Perbincangan ini sangat berguna kerana kita menerima pelbagai pandangan mengenai banyak bidang berkaitan dan ini baik untuk masa depan MSC," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat tiga hari di Cyberview Lodge Resort, bermula semalam.

Turut menghadiri mesyuarat itu ialah 31 anggota IAP serta wakil-wakilnya, iaitu satu jumlah kehadiran paling ramai sejak 1997.

Antaranya ialah Naib Presiden Eksekutif Motorola Inc. Gene Delaney; Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif SAP Asia Pacific, Hans-Peter Klaey; Naib Presiden Kanan Korporat Fujitsu, Dr Kazuo Murano; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Silikon Graphic Inc Bob Bishop; Pengerusi dan Ketua Mentor, Infosys Technologies Ltd, N R Narayana Murthy; and dan Presiden The Heritage Foundation, Dr Edwin J Feulner.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Pengerusi Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Abdul Halim Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie serta Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat semalam juga berjaya mengumpul maklumat kaedah terbaik dalam mempromosikan MSC di mata dunia.

Mesyuarat itu mengkaji semula perkembangan serta pembangunan MSC, suatu kawasan seluas 750 kilometer persegi yang mengunjur dari pusat bandaraya ke selatan menghala ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, yang dikhususkan sebagai pangkalan pembangunan multimedia.

Projek MSC kini menuju ke fasa keduanya, pembangunan yang dijadual sehingga 2010. Fasa berkenaan akan diperluaskan ke beberapa negeri mulai tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun, berkata sebagai permulaan fasa kedua itu, MSC dirangkaikan kepada pusat inkubator seperti di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah dan Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang.

Dijadual bermula tahun depan, fasa kedua itu antara lain bertujuan menjadikan model MSC sebagai sesuatu yang dapat dipelajari negeri lain agar proses pemodenan dan kemajuan negara dapat dinikmati semua golongan masyarakat.

Majlis pelancaran bagi fasa kedua MSC akan diadakan malam ini. Anggota IAP juga dijadualkan membuat lawatan ke Pusat Aplikasi Perdana MSC dan Ekspo MSC, di samping mengadakan pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, hari ini.